



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

MENTERI KUSKOP: MUDRA LULUS RM70 JUTA PEMBIAYAAN KEPADA HAMPIR 2,000 PMKS KOMUNITI INDIA

PULAU PINANG, 10 Mei – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong hari ini menghadiri Karnival Jualan serta Sesi Libat Urus Usahawan MAICCI bersama agensi-agensi KUSKOP sempena sambutan Hari Ibu.

Program yang dianjurkan oleh Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce & Industry (MAICCI) itu menghimpunkan kira-kira 30 usahawan tempatan dan 10 reruai agensi di bawah KUSKOP bagi membuka ruang jaringan, khidmat nasihat serta peluang pembiayaan kepada usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) setempat.

Dalam ucapannya, YB Steven Sim menegaskan komitmen Kerajaan MADANI untuk terus memperkasa sektor PMKS sebagai tunjang utama pembangunan ekonomi negara, termasuk memastikan pembangunan keusahawanan yang lebih inklusif melibatkan komuniti India melalui pelbagai skim khas dan bantuan bersasar.

Beliau turut berkongsi perkembangan terkini **Pakej Modal Usahawan & Rangsangan Ekonomi India 2026 (MUDRA)** yang dilancarkan pada bulan yang lalu melibatkan peruntukan melebihi RM220 juta. Sehingga kini, sebanyak RM70 juta pembiayaan telah diluluskan dan memanfaatkan hampir 2,000 PMKS di seluruh negara.

Dalam majlis yang sama, YB Steven Sim turut menyerahkan cek cura kepada tiga usahawan yang menerima pembiayaan mikro menerusi Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) di bawah TEKUN Nasional.

Antara usahawan TEKUN SPUMI yang menerima manfaat pembiayaan ialah:

- Komalatha A/P G. Raman dari Jelutong bagi perniagaan Megas Enterprise dengan pembiayaan RM100,000;
- Vengadeswary A/P Subramaniam dari Nibong Tebal bagi perniagaan Vnz Classy Beauty dengan pembiayaan RM20,000; dan
- Amutha A/P Nadaraja dari Nibong Tebal bagi perniagaan Nst Amutha Enterprise dengan pembiayaan RM18,000.

YB Steven Sim berkata usaha memperkukuh ekosistem keusahawanan bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan isi rumah dan membuka peluang pekerjaan baharu, malah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang dan negara secara keseluruhan.

“Kerajaan mahu memastikan usahawan kecil tidak terdicir daripada arus pembangunan ekonomi negara. Melalui agensi seperti TEKUN Nasional, akses kepada pembiayaan dapat dipermudah supaya lebih ramai rakyat mampu memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka,” kata beliau.

TEKUN Nasional, sebuah agensi di bawah KUSKOP, merupakan rakan strategik Kerajaan MADANI dalam menyediakan akses pembiayaan yang mudah dan inklusif kepada usahawan mikro, sekali gus membantu menangani kekangan modal serta memperkukuh daya tahan perniagaan kecil dalam menghadapi Krisis Bekalan Global akibat ketidaktentuan perkembangan geopolitik dunia.

KUSKOP akan terus komited menyokong pertumbuhan usahawan mikro dan kecil serta memperkukuh ekosistem keusahawanan yang inklusif selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

KEMENTERIAN USAHAWAN DAN KOPERASI
10 MEI 2026